

17/11/1997

Belanja urus Lima '97 dikurangkan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ridzuan Yop

LANGKAWI, Ahad - Jumlah peruntukan kerajaan bagi belanja mengurus Pertunjukan Maritim dan Udara Langkawi 1997 (Lima '97) dikurangkan kepada RM4.5 juta tahun ini, berbanding RM5.2 juta pada 1995.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizan Hussain, berkata pengurangan peruntukan mengurus itu selaras keputusan Jemaah Menteri supaya pembabitan kewangan kerajaan dikurangkan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Lima '97, berkata Jawatankuasa Kabinet Lima 97 membuat keputusan kerajaan hanya menanggung penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, elaun perjalanan, sajian penginapan kakitangan kerajaan yang bertugas sepanjang tempoh Lima '97 berlangsung dari 2 hingga 7 Disember ini.

"Peruntukan itu juga hanya bagi membiayai sewaan kenderaan bagi kegunaan kakitangan kerajaan yang bertugas di Langkawi ketika pameran.

"Ia juga bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di luar kawasan pameran dan perkhidmatan perubatan, bomba serta Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR)," katanya ketika menyampaikan taklimat persiapan Lima '97 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis taklimat itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Lima '97.

Bagaimanapun, Azizan berkata, pameran kali ini adalah yang terbesar dengan penyertaan 903 syarikat dari 40 negara berbanding Lima '95 hanya 642 syarikat mewakili 35 negara.

Menurutnya, ruang pameran juga bertambah, iaitu dengan keluasan 23,523 meter persegi berbanding hanya 10,000 meter persegi pada 1995.

Beliau juga berkata, pesawat pejuang canggih buatan Amerika Syarikat Stealth Bomber serta Galaxie Transport serta empat kapal selam adalah antara tarikan utama Lima '97.

Kementerian Pertahanan sudah meminta kerjasama Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat untuk menghantar pesawat berkenaan bagi menyertai Lima kali ini dan masih menunggu pengesahan penyertaan pesawat berkenaan.

"Adalah difahamkan atas sebab operasi Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat hanya akan memberikan pengesahan di saat akhir.

"Bagaimanapun, kemudahan penyertaan kedua pesawat sudah disediakan," katanya.

Azizan juga berkata, empat kapal selam masing-masing milik Rusia, Perancis, Turki dan Pakistan sudah mengesahkan penyertaan.

Lima '97 dibahagikan kepada dua bahagian iaitu maritim dan udara. Pameran udara akan diadakan di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), manakala maritim di Pelabuhan Tanjung Malai, di Kompleks Jeti Star Cruises.

Bilangan pesawat perdagangan untuk pameran kali ini dijangka bertambah berikutan peningkatan saiz pameran, manakala bilangan pelawat awam turut meningkat.

Katanya, sempena Lima '97, satu perlumbaan perahu layar antarabangsa iaitu Malaysia Challenge '97 International Sailing Match Racing Grand Prix akan turut diadakan.

Ia akan disiarkan di seluruh dunia melalui slot televisyen NBC SuperSport dan dirasmikan oleh Dr Mahathir.

(END)